

PANDUAN RINGKASAN COVID-19 #5

Pengasingan pesakit dan rujukan

1. Membiasakan diri dengan protokol untuk pengasingan dan rujukan kes-kes yang disyaki COVID-19 yang dibangunkan oleh pihak berkuasa kesihatan negara, serantau atau tempatan. Patuhi prosedur ini dan bekerjasama dalam pelaksanaannya.
2. Seboleh mungkin, mengasingkan kes yang disyaki di bilik berasingan di farmasi dan segera menghubungi perkhidmatan kecemasan yang sesuai atau talian *hotline* COVID-19.
3. Bilik pengasingan di farmasi perlu mempunyai bilik mandi peribadi dan perabot minimum serta objek yang diperlukan untuk keselesaan individu tersebut sementara menunggu perkhidmatan, untuk mengelakkan keperluan untuk menyahkuman barangan yang tidak penting.
4. Semasa dalam pengasingan, pesakit perlu diminta memakai topeng perubatan.
5. Semasa pengasingan, hanya seorang anggota kakitangan farmasi yang harus berhubung dengan pesakit dan memakai alat perlindungan diri yang sesuai (topeng perubatan, sarung tangan dan *goggles*).
6. Sebaik sahaja kes yang disyaki telah dipindahkan ke fasiliti penjagaan kesihatan atau rumah mereka untuk dikuarantin, bilik isolasi dan mana-mana kawasan yang berpotensi tercemar seperti tandas, perlu dibersihkan dan dibasmikuman.

Diterjemah oleh:

Ms Prabha Menon, Dr Jamuna Rani,
Prof Gan Siew Hua –

Monash University Malaysia



MONASH
University
MALAYSIA



Untuk maklumat lanjut dan rujukan sokongan, rujuk dokumen bimbingan lengkap di

www.fip.org/coronavirus

Dokumen ini berdasarkan pada bukti dan cadangan daripada organisasi-organisasi ternama pada masa penerbitan. Ia akan dikemaskini apabila pengetahuan/maklumat terbaru tersedia-ada/diperolehi